

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1987/88

IMG 314/2 - Pembungkusan Makanan

Tarikh: 27 Oktober 1987 Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Jawab mana-mana 4(empat) soalan dari enam soalan yang
diberi. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa
Malaysia.

Sila pastikan kertas soalan ini mengandungi enam soalan
dan 2 mukasurat bercetak.

...2/-

1. Bahan pembungkus multilapisan yang digunakan untuk membungkus hasilan UHT terproses mengandungi tiga komponen utama - kertas, kerajang aluminium dan plastik. Bincangkan bagaimana penghasilan bahan pembungkusan tersebut dihasilkan dengan menegaskan fungsi, susunan dan kaedah.
2. Cadangkan bahan-bahan pembungkus untuk hasilan membek yang separa lembab. Perihalkan dengan terperinci masalah yang dihadapi dan terangkan mengapa bahan-bahan yang dipilih sesuai untuk mengatasi masalah tersebut.
3. Perihalkan dengan terperinci berkenaan penggunaan uncang retot dalam industri makanan.
4. Bincangkan dengan terperinci mengenai jenis-jenis dan kesesuaian aluminium untuk pembungkusan hasilan makanan.
5. Jawab kedua-dua bahagian soalan berikut:
 - (a) Anda ingin memanjang tempoh penstoran lobak putih segar pada suhu dingin. Jika anda ingin menyimpannya, terangkan dengan ringkas mengenai bahan pembungkus yang akan anda pilih dan jelaskan mengapa anda membuat pilihan tersebut.
 - (b) Bincang dengan ringkas mengenai jenis-jenis penutup hermetik bagi bekas kaca.
6. Bincang dengan terperinci jenis-jenis enamel yang digunakan untuk kaleng makanan. Terangkan faktor-faktor pemilihan jenis enamel dalam pengalengan sehubungan dengan jenis-jenis makanan.

oooooooooooo000000oooooooooooo